



UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BERILMU BERBAKTI

PUTRA
PERTANIAN UNTUK RAKYAT

PENGHAYATAN INTEGRITI SEMPENA BULAN RAMADAN



WARGA UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA YANG DIHORMATI

Sempena kedatangan bulan Ramadan yang penuh keberkatan, seluruh warga UPM diseru agar terus menghayati dan memperkukuh nilai integriti dalam pelaksanaan tugas dan tanggungjawab harian.

Bulan Ramadan bukan sahaja bulan ibadah dan penghayatan rohani, malah merupakan ruang muhasabah diri untuk meningkatkan kejujuran, amanah, disiplin serta keikhlasan dalam perkhidmatan. Setiap amanah yang dipikul hendaklah dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab, mematuhi peraturan dan menjauhi sebarang bentuk salah laku, selaras dengan prinsip tadbir urus yang baik serta nilai murni universiti.

Marilah kita bersama-sama menjadikan Ramadan sebagai pemangkin kepada pembudayaan integriti yang berterusan demi memelihara reputasi, maruah dan kecemerlangan Universiti Putra Malaysia.

Selamat menjalani ibadah puasa.



Bahagian Governan dan Integriti
Pejabat Pendaftar
Universiti Putra Malaysia